

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 14 TAHUN 1978**

Tuan,

### **PENJELASAN MENGENAI CARA DAN PERATURAN**

#### **PEMINDAHAN GAJI KE TANGGAGAJI BERSIH**

#### **BAHARU LAPURAN JAWATANKUASA KABINET.**

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa beberapa arahan telah dikeluarkan untuk memberikan penjelasan mengenai masalah-masaalah yang timbul berkaitan dengan pemindahan gaji ke tanggagaji bersih baharu Laporan Jawatankuasa Kabinet yang telah diberi di dalam beberapa Surat Pekeliling Perkhidmatan. Adapun tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk menyatukan dan menyelaraskan arahan-arahan itu untuk menyenangkan langkah-langkah yang diambil oleh Ketua-ketua Jabatan menjawab soalan - soalan dan menyelesaikan masaalah - masaalah pemindahan gaji ke tanggagaji bersih baharu yang dibangkitkan oleh kakitangan.

2. Pemindahan gaji kepada Tanggagaji Bersih Baharu di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#), (bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam), [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1977](#) (bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran), dan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1977](#) (bagi Pekerja-pekerja Sementara) telah dilakukan pada amnya melalui dua peringkat seperti mana yang diuraikan dalam Buku Panduan Bil. JPA Sulit 81/7/10-1/26 yang dikeluarkan oleh Jabatan ini bertarikh 25hb. April, 1977, dengan tujuan mengadakan penyelaras dengan paras gaji bagi pekerja - pekerja dalam Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang telah menerima Tanggagaji Bersih Suruhanjaya Di Raja Gaji Harun (selepas ini dipanggil "tanggagaji bersih Harun").

3. Peringkat pertama ialah pemindahan dari gaji hakiki kepada tanggagaji bersih Harun secara isyarat dan pada peringkat yang kedua ialah pemindahan dari tanggagaji bersih Harun kepada Tanggagaji Bersih Baharu mulai dari 1hb. Januari, 1976. Pemindahan bagi peringkat pertama adalah berdasarkan kepada gaji hakiki yang diterima pada 31.12.75 dan dikebelakangkan kepada 1.5.69 bagi pekerja-pekerja dalam Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar atau dikebelakangkan kepada 1. 1.70 bagi pekerja-pekerja yang lain atau pada tarikh lantikan atau kenaikan pangkat, jika ianya berlaku selepas daripada tarikh-tarikh itu, iaitu, tarikh yang mana terkemudian. Bagi pegawai - pegawai yang mana tanggagaji mereka telah diubah atau diubahsuai selepas daripada tarikh-tarikh tersebut, maka Tarikh Kuatkuasa Isyarat bagi pemindahan peringkat pertama ialah pada tarikh perubahan tanggagaji yang berkenaan itu.

4. Perlaksanaan pemindahan gaji yang berlaku telah menimbulkan masaalah - masaalah pentadbiran pemindahan gaji, walaupun tidak ada penyelewengan dari prinsip yang digarisikan dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Untuk mengatasinya, Ketua-ketua Jabatan adalah diminta mengikuti peraturan yang dibentangkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini sebagai panduan, dan jika sekiranya perlu, membuat penyelaras terhadap pernindahan gaji pegawai-pegawai dalam Jabatannya yang terlibat.

**Pertukaran Sekim Perkhidmatan atau Kenaikan Pangkat sebelum atau selepas 1.1.76**

5. Masalah yang pertama melibatkan penyelarasan gaji bagi pegawai - pegawai yang dilantik secara pertukaran sekim perkhidmatan atau dinaikkan pangkat sebelum 1.1.76 dalam tanggagaji bersih Harun dan pada atau selepas daripada 1.1.76 dalam Tanggagaji Bersih Baharu. Penyelarasan gaji pegawai - pegawai yang terlibat hendaklah dibuat mengikut peraturan biasa dalam Perintah Am yang digunakan bagi maksud perlantikan atau kenaikan pangkat untuk menentukan matagaji masuk ke dalam tanggagaji bersih Harun jika ianya berlaku sebelum 1.1.76 atau ke dalam Tanggagaji Bersih Baharu jika ianya berlaku pada atau selepas daripada 1.1.76. Kemajuan dalam tanggagaji bersih Harun atau dalam Tanggagaji Bersih Baharu bagi jawatan yang bertukar sekim perkhidmatan atau kenaikan pangkat hendaklah mengikut tarikh kenaikan gaji genap ulang tahun perkhidmatan bagi jawatan bertukar sekim atau kenaikan pangkat yang berkenaan menurut **Perintah Am Bab 'A'**. Sila lihat contoh - contoh Bilangan I hingga IV dalam **Lampiran 'A'** mengenai penyelesaian masaalah penyelarasan gaji yang dimaksudkan di atas. Bagi Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan, sila lihat contoh-contoh di **Lampiran 'B'**.

#### **Tarikh kenaikan gaji bagi pegawai yang bergaji tetap atau berada di gaji maksima**

6. Masaalah kedua ialah mengenai tarikh kenaikan gaji bagi pegawai - pegawai yang menerima gaji tetap atau berada atas gaji maksima atas tanggagaji bertangga menurut sekim gaji Suffian atau Aziz. Menurut prinsip dalam Buku Panduan yang tersebut di atas, tarikh kenaikan gaji bagi pegawai - pegawai itu telah ditentukan seperti berikut :

- (a) Jika mereka berada atas gaji tetap atau gaji maksima dalam tanggagaji bersih Suffian / Aziz yang bertangga selama setahun atau lebih pada Tarikh Kuatkuasa, iaitu, 1. 1.76, maka tarikh kenaikan gaji bagi maksud kemajuan dalam Tanggagaji Bersih Baharu ialah pada 1.2.76.
- (b) Sebaliknya, bagi mereka yang berada pada matagaji tetap atau maksima kurang daripada setahun, tarikh kenaikan gajinya hendaklah pada satu haribulan yang sama sekiranya tarikh kenaikan gaji jatuh pada satu haribulan dan sekiranya tarikh kenaikan gajinya bukan pada satu haribulan, maka tarikh kenaikan gajinya ialah pada satu haribulan berikutan mereka menerima gaji tetap atau berada pada matagaji maksima.

Masaalah yang timbul melibatkan pegawai-pegawai di perenggan kecil (b) di atas, di mana pada Tarikh Kuatkuasa pemindahan dilakukan daripada dua atau lebih matagaji dalam Tanggagaji Bersih Harun kepada satu matagaji dalam Tanggagaji Bersih Baharu. Ada di antara mereka ini akan lebih berfaedah jika tarikh kenaikan diubah menurut peraturan di Lampiran 'C' kepada Pekeliling yang berkenaan di perenggan 1 di atas, daripada peraturan di perenggan kecil (b) oleh kerana mereka akan mendapat kenaikan gaji atas Tanggagaji Bersih Baharu lebih awal. Untuk mengatasi masalah yang timbul itu adalah dibenarkan bagi pegawai - pegawai yang terlibat untuk menggunakan cara di perenggan kecil (b) di atas atau Lampiran 'C', iaitu, mana satu cara yang lebih menguntungkan.

#### **Perubahan dan tuggakan gaji / elauan bagi semua pegawai sementara (termasuk guru - guru sandaran)**

7. Masaalah yang ketiga melibatkan pegawai-pegawai sementara. Menurut **Surat - surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1977** dan **Bil. 7 Tahun 1978** pegawai-pegawai sementara yang memiliki kelulusan yang disyaratkan dalam sekim perkhidmatan masing - masing, samada mengisi jawatan tetap atau jawatan sementara, hendaklah diselaraskan kepada Tanggagaji Bersih Baharu seperti yang ditawarkan kepada pegawai-pegawai tetap yang sejaわたn dengannya mulai daripada 1.7.77. Adalah ditetapkan juga bahawa pegawai - pegawai sementara yang memegang jawatan sementara bolehlah diselaraskan gajinya kepada Tanggagaji Bersih Baharu yang ditetapkan untuk jawatannya mulai daripada tarikh yang sama.

8. Kerajaan telah memutuskan bahawa semua pegawai sementara (termasuklah guru - guru sandaran) samada yang **mempunyai kelayakan penuh ataupun tidak** yang diisyaratkan dalam sekim perkhidmatan masing-masing yang mengisi jawatan dalam Anggaran Belanjawan atau projek vot, tanpa mengira samada jawatan yang diisi itu jawatan tetap atau sementara, adalah layak mendapat tunggakan gaji seperti pegawai-pegawai tetap. Cara pemindahan gaji serta penentuan gaji pegawai-pegawai sementara itu ialah seperti yang digunakan oleh pegawai-pegawai tetap mengikut peruntukan-peruntukan dalam [Pekeliling - pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 / 77](#) dan [4 / 77](#) dan Pekeliling - pekeliling bagi Badan - badan Berkanun dan Kuasa - kuasa Tempatan dan juga mengikut Buku Panduan dan berkuatkuasa mulai daripada 1. 1. 1976 atau tarikh lantikan sementara, mengikut mana yang terkemudian.

**Bayaran Tunggakan.**

9. Bagi maksud tunggakan, sebarang bayaran yang telah dijelaskan terhadap Elaun Bantuan Khas, COLA dan Bonus, jika ada, selepas daripada 1.7.77 hendaklah tertakluk kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 1977](#).

10. Keputusan Kerajaan di perenggan 8 dan 9 di atas mengenai perubahan dan tunggakan gaji / elaun bagi semua pegawai sementara adalah dipanjangkan kepada Negeri Sabah dan Sarawak. Pegawai - pegawai sementara itu adalah layak diberi perubahan gaji / elaun mengikut [Pekeliling - pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 / 1978](#) dan [Bil. 2 / 1978](#) dan Pekeliling - pekeliling Perkhidmatan bagi Badan - badan Berkanun dan Kuasa - kuasa Tempatan serta juga layak mendapat tunggakan gaji / elaun.

11. Dengan pengeluaran Surat Pekeliling ini, Surat - surat Pekeliling Perkhidmatan seperti yang berikut adalah dibatalkan :-

[Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1977;](#)

[Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1978;](#)

Surat JPA 256/8/17 Jld. 3 (4).

Saya yang menurut perintah,

(NIK MUSA BIN NIK ABDULLAH)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri. ) Semenanjung Malaysia,

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun. ) Sabah dan Sarawak.

Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan. )

**PERLANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEKIM**

**PERKHIDMATAN DAN KENAIKAN PANGKAT**

**SEBELUM 1.1.76 (PERENGGAN 4)**

**CONTOH1 Perlantikan Secara Pertukaran Sekim Perkhidmatan sebelum 1.1.76**

1. (a) Seorang Budak Pejabat yang mula berkhidmat pada 1.9.65 telah dilantik sebagai Operator Mesin Penyalin pada 1.7.74. Butir-butir tanggagajinya bagi maksud pemindahan ke Tanggagaji Bersih Baharu adalah seperti berikut :

Tanggagaji Suffian	:	E440	\$115 x 5 -125 / 130 x 5 - 145 / 150 x 5 - 160.
Budak Pejabat dan Operator Mesin Penyalin			
Tanggagaji Harun bagi kedua-dua jawatan	:	D19-13	\$110 x 10 - 160 / 170 x 10 - 210
Tanggagaji Baharu bagi kedua-dua jawatan	:	D28	\$195 x 10 - 265 x 15 - 295

- (b) Perbandingan di antara kemajuan gaji (salary progression) bagi jawatan Budak Pejabat dan Operator Mesin Penyalin berdasarkan kepada peraturan di perenggan 2 dalam Surat Pekeling Perkhidmatan adalah seperti berikut :

Tarikh	Gaji Suffian		Pemindahan ke Gaji Harun		Gaji Baharu	
	Budak Pejabat	Operator Mesin Penyalin	Budak Pejabat	Operator Mesin Penyalin	Budak Pejabat	Operator Mesin Penyalin
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
	\$	\$	\$	\$	\$	\$
1.5.69	140	-	140	-	-	-
(Tarikh Kuatkuasa Isyarat)						
1.5.70	145	-	150	-	-	-
1.5.71	150	-	160	-	-	-

	155	-	170	-	-	-
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$
1.5.72						
1.5.73	160 (maksima)	-	180	-	-	-
1.5.74	160	-	190	-	-	-
1.7.74	160	160	190	160	-	-
(Tarikh perlantikan sebagai Operator Mesin Penyalin)						
1.5.75	160	160	200	160	-	-
1.7.75	160	160	200	170	-	-
1.1.76	(160)	(160)	210	180	280	245
(Tarikh kuatkuasa gaji baharu)						
1.2.76 (Tarikh kenaikan baharu kedua - dua jawatan)	-	-	-	-	-	295 255 (gaji maksima)
1.2.77	-	-	-	-	-	295 265
1.7.77	-	-	-	-	-	295 265
(Tarikh kuatkuasa Opsyen)						

Catitan: Ruang (2) pindah ke ruang (4) dan seterusnya ke ruang (6)

Ruang (3) pindah ke ruang (5) dan seterusnya ke ruang (7)

(c) **Kurang perimbangan yang berlaku**

Jelaslah daripada perbandingan di atas bahawa hasil daripada pemindahan gaji berdasarkan kepada jawatan Operator Mesin Penyalin pada tarikh perlantikannya, iaitu 1.7.74, gaji baharunya pada 1.1.76 adalah kurang daripada matagaji baharu bagi jawatan lamanya sebagai Budak Pejabat. Beliau akan memperolehi gaji baharu sebanyak \$280 pada 1.1.76 jika beliau kekal memegang jawatan Budak Pejabat, akan tetapi sebagai Operator

Mesin Penyalin beliau hanya menerima \$245 pada 1.1.76. Ini disebabkan penyelarasan daripada tanggagaji Harun bagi jawatan Budak Pejabat kepada tanggagaji Harun bagi jawatan Operator Mesin Penyalin tidak dibenarkan dan pemindahan daripada gaji Suffian ke Gaji Harun hanya dibenarkan mulai daripada 1.7.74. Dengan cara ini pada tarikh perlantikan, matagaji Suffian sebanyak \$160 berpindah ke matagaji Harun, iaitu juga sebanyak \$160, walhal jika beliau kekal sebagai Budak Pejabat, gaji Harun pada tarikh yang sama ialah \$190.

**(d) Cara Penyelarasan**

Tarikh	Gaji Suffian		Pemindahan ke Gaji Harun		Gaji Baharu
	Budak Pejabat	Operator Mesin Penyalin	Budak Pejabat	Operator Mesin Penyalin	Operator Mesin Penyalin
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
	\$	\$	\$	\$	\$
1.5.69	140	-	140	-	-
1.5.70	145	-	150	-	-
1.5.71	150	-	160	-	-
1.5.72	155	-	170	-	-
1.5.73	160 (maksima)	-	180	-	-
1.5.74	160	-190	-	-	-
				(160)*	
1.7.74	-	160 (maksima)	190	<b>200</b>	-
(Tarikh perlantikan sebagai Operator Mesin Penyalin)				(170)*	
1.7.75	-	160	-	210 (maksima)	-
				(180)*	(245)*
1.1.76	-	160	-	210	280

(Tarikh  
kuatkuasa  
gaji baharu)

**mukasurat 7**

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
\$	\$	\$	\$	\$	\$	
1.2.76	-	-	-	-	-	295 (maksima)
(Tarikh kenaikan baharu Operator Mesin Penyalin)						
1.7.77	-	-	-	-	-	295
(Tarikh kuatkuasa Opsyen)						

[\* Gaji sebelum penyelarasan dalam ruang (5) dan (7) di bawah (b)]

Menurut perkiraan pemindahan gaji atas tanggaji Harun dari Tarikh Kuatkuasa Isyarat bagi jawatan Budak Pejabat melalui "step by step progression", gaji yang terakhir sebelum dilantik sebagai Operator Mesin Penyalin ialah \$190. Matagaji Harun bagi jawatan Operator Mesin Penyalin apabila dipindahkan dari gaji Suffian iaitu, \$160 pada tarikh perlantikan (1.7.74) ke jawatan Operator Mesin Penyalin ialah \$160. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa matagaji Harun bagi jawatan Operator Mesin Penyalin, iaitu, sebanyak \$160, adalah kurang daripada matagaji Harun yang terakhir sebagai Budak Pejabat, iaitu \$190. Untuk mengatasi masalah tersebut maka matagaji Harun yang terakhir sekali sebagai Budak Pejabat hendaklah diselaraskan pada 1.7.74 kepada matagaji yang tinggi dan berdekatan sekali dalam tanggagaji Harun bagi jawatan Operator Mesin Penyalin dan hasilnya matagaji yang diselaraskan ialah \$200.

**CONTOH II Kenaikan Pangkat sebelum 1.1.76**

2. (a) Seorang Penyunting Berita yang dilantik pada 1.4.69 telah dinaikkan pangkat ke jawatan Penyunting Berita Kanan pada 1.1.74. Butir-butir gaji kedua - dua jawatan adalah seperti berikut :

Tanggagaji Suffian

Penyunting Berita	-	B10	\$1100 x 50 - 1200 / 1250
-------------------	---	-----	---------------------------

Penyunting Berita Kanan	-	A135	\$1250 x 50 - 1500
Tanggagaji Harun			
Penyunting Berita )	-	A11-9	\$650 x 50 - 850 /
Penyunting Berita Kanan )	-	A10-2	950 x 50 - 1150 / 1300 x 50 - 1500 /
Tanggagaji Baharu			1600 x 75 -1825.
Penyunting Berita	-	A22	\$745 x 60 - 865 / 985 x 60 - 1225 / 1345 x 60 -1705 x 100 - 2005.
Penyunting Berita Kanan	-	A24	\$1525 x 60 - 170 x 100 - 2105

(b) Perbandingan di antara pemindahan gaji bagi jawatan Penyunting Berita dan Penyunting Berita Kanan berdasarkan kepada perenggan 2 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan adalah seperti berikut :

1.4.74	1250	-	1450	-	-	-
1.1.75	-	1350	-	1350	-	-
1.4.75	1250	-	1500	-	-	-
1.1.76	-	1400	-	1400	-	-
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
	\$	\$	\$	\$	\$	\$
1.1.76 (Tarikh kuatkuasa gaji baharu)	1250	1400	1600	1450	1805	1645
1.2.76 (Tarikh kenaikan baharu Penyunting Berita)	-	-	-	-	1905	1645
1.1.77 (Tarikh kenaikan baharu Penyunting Berita Kanan)	-	-	-	-	1905	1705
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa Opsyen)	-	-	-	-	2005	1705

Catatan: Ruang (2) pindah ke ruang (4) dan seterusnya ke ruang (6)

Ruang (3) pindah ke ruang (5) dan seterusnya ke ruang (7)

**(c) Kurang perimbangan yang berlaku**

Dapat diperlihatkan daripada perbandingan di perenggan kecil (b) di atas bahawa jika tidak dibenarkan penyelarasan di antara tanggagaji Harun bagi Penyunting Berita dan tanggagaji Harun bagi Penyunting Berita Kanan pada tarikh kenaikan pangkat, maka berlaku

kedudukan di mana Penyunting Berita mendapat Gaji Baharu \$1805 pada 1. 1.76, iaitu lebih daripada gaji yang diperolehi dalam jawatan kenaikan pangkat iaitu, \$1645 pada 1. 1.76. Juga jika tidak dilakukan penyelarasan akan terdapat keadaan di mana mereka yang tidak dinaikkan pangkat akan memperolehi Gaji Baharu yang lebih tinggi daripada mereka yang dinaikkan pangkat.

(d) Cara Penyelarasan

	<b>Gaji Suffian</b>		<b>Gaji Harun</b>		<b>Gaji Baharu</b>	
<b>Tarikh</b>	<b>Penyun-ting Berita</b>	<b>Penyun-ting Berita Kanan</b>	<b>Penyun-ting Berita</b>	<b>Penyun-ting Berita Kanan</b>	<b>Berita Kanan</b>	
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	
	\$	\$	\$	\$	\$	\$
1.1.70	1100		1100			
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
	\$	\$	\$	\$	\$	\$
1.4.70	1150	-	1150	-	-	
1.4.71	1200	-	1300	-	-	
1.4.72	1250	-	1350	-	-	
	(maksima)					
1.4.73	1250	-	1400	-	-	
	(1300)*					
1.1.74 (Tarikh kenaikan pangkat ke Penyunting Berita Kanan)	-	1300	<b>1400</b>	<b>1450</b>	-	-
	(1350)*					
1.1.75	-	1350	-	1500	-	
	(1400)*					
1.1.76	-	1400	-	1600	-	
	(1450)* (1645)*					
1.1.76 (Tarikh	-	1400	-	1675	1905	

kuatkuasa gaji baharu)	-	-	-	-	2005
1.1.77 (Tarikh kenaikan baharu Penyunting Berita Kanan)	-	-	-	-	2005
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa Opsyen)	-	-	-	-	2005

Menurut perkiraan gaji dalain contoh di atas dapat diperhatikan bahawa matagaji Harun, iaitu, \$1300 sebagai Penyunting Berita Kanan pada tarikh kenaikan pangkat, iaitu, 1. 1.74 adalah kurang daripada matagaji Harun yang terakhir sebagai Penyunting Berita, iaitu \$1400. Untuk mengatasi masalah tersebut maka matagaji Harun yang terakhir sekali sebagai Penyunting Berita hendaklah selaraskan pada 1. 1.74 kepada matagaji yang tinggi dan berdekatan sekali dalam tanggagaji Harun bagi jawatan Penyunting Berita Kanan dan

\* Gaji sebelum penyelarasan dalam ruang (5) dan (7) di bawah (b).

hasilnya matagaji yang diselaraskan ialah \$1450.

#### **PERLANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEKIM PERKHIDMATAN DAN KENAIKAN PANGKAT SELEPAS 1.1.76 (PERENGGAN 4)**

##### **CONTOH III            Perlantikan Secara Pertukaran Sekim**

##### **Perkhidmatan selepas 1.1.76**

3. (a) Seorang Guru Sains Kategori D2 yang mula berkhidmat pada 1.1.71 telah dilantik sebagai Guru Kategori D1 pada 1.9.76. Tanggagaji - tanggagaji yang terlibat bagi kedua - dua jawatan adalah berikut :-

Tanggagaji Aziz

Guru Kategori D2	-	\$700 x 50 - 800 / 850 x 50 - 1050 /
------------------	---	--------------------------------------

	-	1150 x 50 -1300 / 135 x 50 -1550
--	---	----------------------------------

Guru Kategori D1	-	\$800 x 50 - 850 / 950 x 50 -1150 /
------------------	---	-------------------------------------

	-	1300 x 50 -1500 / 1600 x 100 -1800
--	---	------------------------------------

Tanggagaji Harun

Guru Kategori D2 ) A11 - 9 - \$650 x 50 - 850 / 950 x 50 - 1150 /  
                          ) A10 -2 - 1300 x 50 - 1500 / 1600 x 75 -1825  
                          Guru Kategori D1 )

#### Tanggagaji Baharu

Guru Kategori D2 A21	-	\$805 x 60 - 925 / 1045 x 60 -1285
		1404 x 60 - 170 x 100 -2005
Guru Kategori D1 A19	-	\$925 x 60 - 1045 / 1165 x 60 - 1405 /
		1525 x 60 - 1705 x 100 -2205

(b) Perbandingan kemajuan gaji bagi kedua-dua jawatan menurut Peraturan - peraturan di perenggan 2 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan adalah seperti berikut :-

Tarikh	Gaji Aziz		Pemindahan ke Gaji Harun			Gaji Baharu	
	Guru Kategori D2	Guru Kategori D1	Guru Kategori D2	Guru Kategori D1	Guru Kategori D2	Guru Kategori D1	Guru Kategori D1
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	
	\$	\$	\$	\$	\$	\$	
1.1.71 (Tarikh Kuatkuasa Isyarat)	700	-	750	-	-	-	
1.1.72	750	-	800	-	-	-	
1.1.73	800	-	850	-	-	-	
1.1.74	850	-	950	-	-	-	
1.1.75	900	-	1000	-	-	-	
1.1.76	1000	-	1050	-	-	-	
1.1.76 (Tarikh kuatkuasa gaji baharu)	1000	-	1100	-	1285	-	
1.9.76 (Tarikh perlantikan sebagai Guru)	-	1050	-	1050	1285	1225	

Kategori D1)

1.1.77 (Tarikh kenaikan baharu Guru Kategori D2)	-	-	-	-	1405	1255
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa Opsyen	-	-	-	-	1405	1225

Catatan : Ruang (2) pindah ke ruang (4) dan seterusnya ke ruang (6)  
Ruang (3) pindah ke ruang (5) dan seterusnya ke ruang (7)

(c) **Kurang perimbangan yang berlaku**

Menurut perkiraan gaji dalam contoh di atas dapat diperhatikan bahawa matagaji baharu, iaitu, \$1225 sebagai Guru Kategori D1 pada tarikh perlantikannya, iaitu 1.9.1976, adalah kurang daripada matagaji yang terakhir sebagai Guru Kategori D2, iaitu, \$1285. Ini disebabkan penyelarasan matagaji baharu yang akhir bagi jawatan Guru Kategori D2 dengan matagaji baharu Guru Kategori D1 tidak diberikan pada tarikh perlantikan.

(d) **Cara Penyelarasan**

Tarikh	Gaji Aziz		Pemindahan ke Gaji Harun		Gaji Baharu	
	Guru Kategori D2	Guru Kategori D1	Guru Kategori D2	Guru Kategori D1	Guru Kategori D2	Guru Kategori D2
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
	\$	\$	\$	\$	\$	\$
1.1.76 (Tarikh Kuatkuasa gaji baharu)	1000	-	1100	-	1285	-
					(1225)*	
1.9.76 (Tarikh perlantikan	-	1050	-	1050	1285	1345

sebagai Guru Kategori D1)						
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa Opsyen)	-	-	-	-	-	1345
1.9.77 (Tarikh kenaikan baharu Guru Kategori D2)	-	-	-	-	-	1405
1.9.78	-	-	-	-	-	1525

Menurut perkiraan pemindahan gaji atas Tanggagaji Bersih Baharu mulai daripada Tarikh Kuatkuasa bagi jawatan Guru Kategori D2 sehingga tarikh perlantikannya sebagai Guru Kategori D1, matagajinya ialah \$1285. Matagaji dalam Tanggagaji Bersih Baharu bagi jawatan Guru Kategori D1 apabila dipindahkan dari gaji lama pada tarikh perlantikannya

---

\* Gaji sebelum penyelarasan dalam ruang (7) di bawah (b)

ialah \$1225. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa matagaji baharu bagi jawatan Guru Kategori D1, iaitu, \$1225, adalah kurang daripada matagaji baharu yang terakhir bagi jawatan Guru Kategori D2, iaitu, sebanyak \$1285. Untuk mengatasi masaalah tersebut, matagaji baharu yang terakhir sekali bagi jawatan Guru Kategori D2 hendaklah diselaraskan pada 1.9.76 kepada matagaji yang tinggi dan berdekatan sekali dalam Tanggagaji Bersih Baharu bagi jawatan Guru Kategori D1. Matagaji baharu hasil daripada penyelarasan yang tersebut di atas ialah \$1345.

#### **CONTOH      Kenaikan Pangkat selepas 1.1.76**

4. (a) Seorang Pelayan Rumah yang mula berkhidmat pada 18.10.65 telah dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Pelayan pada 1.4.76. Tanggagaji - tanggagaji yang terlibat bagi kedua-dua jawatan ialah seperti berikut :

Tanggagaji Suffian

Pelayan Rumah	E440	-	\$115 x 5 - 125 / 130 x 5 - 145 / 50 x 5 - 160
Ketua Pelayan	E390	-	\$150 x 5 - 160 / 165 x 5 - 170

Tanggagaji Harun

Pelayan Rumah	D19 -13	-	\$110 x 10 - 160 / 170 x 10 -
---------------	---------	---	-------------------------------

			210
Ketua Pelayan	D20-3	-	\$150 x 5 - 170
Tanggagaji Baharu			
Pelayan Rumah	D28	-	\$195 x 10 - 265 x 15 - 295
Ketua Pelayan	D27	-	\$215 x 10 - 265 x 15 - 325

(b) Perbandingan kemajuan gaji bagi kedua-dua jawatan menurut peraturan-peraturan di perenggan 2 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan adalah seperti berikut :

Tarikh	Gaji Suffian		Pemindahan ke Gaji Harun		Gaji Baharu	
	Pelayan Rumah	Ketua Pelayan	Pelayan Rumah	Ketua Pelayan	Pelayan Rumah	Ketua Pelayan
	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
	\$	\$	\$	\$	\$	\$
1.5.69 (Tarikh Kuatkuasa Isyarat)	145	-	150	-	-	-
1.5.70	150	-	160	-	-	-
	\$	\$	\$	\$	\$	\$
1.5.71	155	-	170	-	-	-
1.5.72	160 (maksima)	-	180	-	-	-
1.5.73	160	-	190	-	-	-
1.5.74	160	-	200	-	-	-
1.5.75	160	-	210 (maksima)	-	-	-
1.1.76 (Tarikh kuatkuasa gaji baharu)	160	-	210	-	280	-
1.2.76 (Tarikh kenaikan)	160	-	-	-	295 (maksima)	-

baharu Pelayan Rumah)						
1.4.76 (Tarikh kenaikan pangkat ke Ketua Pelayan)	(160)	165	-	165	<b>295</b>	<b>225</b>
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa Opsyen)	-	-	-	-	295	225
1.9.77 (Tarikh kenaikan baharu Ketua Pelayan)	-	-	-	-	295	235

Catatan :      Ruang (2) pindah ke ruang (4) dan seterusnya ke ruang (6)  
                   Ruang (3) pindah ke ruang (5) dan seterusnya ke ruang (7)

(c) Menurut perkiraan gaji dalam contoh di atas, dapat diperhatikan bahawa matagaji baharu, iaitu, \$225 sebagai Ketua Pelayan pada tarikh kenaikan pangkatnya, iaitu, 1.4.76 adalah kurang daripada matagaji yang terakhir sebagai Pelayan Rumah, iaitu, \$295. Ini ialah disebabkan penyelarasan matagaji yang akhir bagi jawatan Pelayan Rumah dengan matagaji ketua Pelayan tidak dibenarkan pada tarikh kenaikan pangkat.

(d) Cara Penyelarasan

Tarikh	Gaji Suffian		Pemindahan ke Gaji Harun		Gaji Baharu	
	Pelayan Rumah	Ketua Pelayan	Pelayan Rumah	Ketua Pelayan	Pelayan Rumah	Ketua Pelayan
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
	\$	\$	\$	\$	\$	\$
1.1.76 (Tarikh kuatkuasa gaji baharu)	160	-	210	-	280	-

1.2.76	-	-	-	-	295 (maksima)	-
					(225)*	
1.4.76 (Tarikh kenaikan pangkat ke Ketua Pelayan)	-	165	-	-	295	310
1.4.77 (Tarikh (maksima) kenaikan baharu Ketua Pelayan)	-	-	-	-	-	325
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa Opsyen)	-	-	-	-	-	325

\* Gaji sebelum penyelarasan dalam ruang (7) di bawah (b)

Menurut perkiraan pemindahan gaji atas Tanggagaji Bersih Baharu mulai daripada Tarikh Kuatkuasa bagi jawatan Pelayan Rumah sehingga tarikh kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Pelayan, maka gajinya ialah \$295. Matagaji dalam Tanggagaji Bersih Baharu bagi jawatan Ketua Pelayan apabila dipindahkan daripada gaji lama pada tarikh kenaikan pangkatnya ialah \$225. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa matagaji baharu bagi jawatan Ketua Pelayan, iaitu, sebanyak \$225 adalah kurang daripada matagaji baharu yang terakhir bagi jawatan Pelayan Rumah, iaitu, sebanyak \$295. Untuk mengatasi masaalah tersebut matagaji baharu yang terakhir sekali bagi jawatan Pelayan Rumah hendaklah diselaraskan pada 1.4.76 kepada matagaji yang tinggi dan berdekatan sekali dalam Tanggagaji Bersih Baharu bagi jawatan Ketua Pelayan. Matagaji baharu hasil daripada penyelarasan yang tersebut di atas ialah \$310.

**LAMPIRAN 'B'****PERLANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEKIM****PERKHIDMATAN DAN KENAIKAN PANGKAT****SELEPAS 1.1.76****(Badan-badan Berkanun / Kuasa-kuasa Tempatan)****CONTOH I - Perlantikan Secara Pertukaran Sekim Perkhidmatan selepas 1.1.76**

1. (a) Seorang Pegawai Kerani yang berkhidmat di Bank Negara Malaysia dan yang menerima gaji \$475 dalam tanggagaji Harun pada 1.1.77 (Gaji \$450 pada 1.1.76) telah dilantik sebagai Pegawai Kerja oleh majikannya pada 1.4.77 dengan dibayar gaji sebanyak \$480. Tanggagaji - tanggagaji yang terlibat bagi kedua - dua jawatan berkenaan adalah seperti berikut :

**Tanggagaji Sekarang (Harun)**

Pegawai Kerani :	C16-6	-	\$225 x 25 - 275 / 300 x 25 - 600
	C15-3	-	\$630 x 30 - 810
Pegawai Kerja :	B13 - 4	-	\$440 x 40 - 600 / 640 x 40 - 880 / 960 x 40 - 1200

**Tanggagaji Baharu (JKK)**

Pegawai Kerani :	C11	-	\$295 x 25 - 345 / 370 x 25 - 645 x 30 - 705 / 765 x 40 - 925
Pegawai Kerja :	B 11	-	\$485 x 40 - 565 / 605 x 40 - 925 / 1005 x 40 - 1205
	KUP	-	\$485 x 40 - 565 / 605 x 40 - 925 / 1005 x 40 -1205

- (b) Perbandingan kemajuan gaji bagi kedua-dua jawatan menurut peraturan di perenggan 2 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan adalah seperti berikut :

Tarikh	Gaji Sekarang		Gaji Baharu	
	Pegawai Kerani	Pegawai Kerja	Pegawai Kerani	Pegawai Kerja
(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)
1.1.76 (Tarikh Kuatkuasa gaji baharu)	\$ 450	-	\$ 545	-

(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)
	\$	\$	\$	\$
1.1.77 (Kenaikan gaji)	475	-	570	-
1.4.77 (Tarikh perlantikan sebagai Pegawai Kerja)	475	480	<b>570</b>	<b>565</b>
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa opsyen)	-	-	570	565

Ruang (ii) pindah ke ruang (iv)

Catatan:

Ruang (iii) pindah ke ruang (v)

**(c) Kurang perimbangan yang berlaku**

Menurut perkiraan gaji dalam contoh di atas dapatlah diperhatikan bahawa matagaji baharu, iaitu, \$565 sebagai Pegawai Kerja pada tarikh perlantikannya, iaitu, 1.4.77 adalah kurang daripada matagaji yang terakhir sebagai Pegawai Kerani, iaitu \$570. Ini disebabkan penyelarasian matagaji baharu yang akhir bagi jawatan Pegawai Kerani dengan matagaji baharu Pegawai Kerja tidak diberikan pada tarikh perlantikan.

**(d) Cara Penyelarasan**

Tarikh	Gaji Sekarang		Gaji Baharu	
	Pegawai Kerani	Pegawai Kerja	Pegawai Kerani	Pegawai Kerja
(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)
	\$	\$	\$	\$
1.1.76 (Tarikh Kuatkuasa gaji baharu)	450	-	545	-
1.1.77 (Kenaikan gaji)	-	-	570	-

(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)
	\$	\$	\$	\$
				(565) *
1.4.77 (Tarikh perlantikan sebagai Pegawai Kerja)	-	-	<b>570</b>	<b>605</b>
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa opsyen)	-	-	-	605
1.4.78 (Tarikh kenaikan gaji Pegawai Kerja)	-	-	-	645

\* Gaji sebelum penyelarasan dalam ruang (v) di bawah perenggan (b)

Menurut perkiraan pemindahan gaji atas Tanggagaji Bersih Baharu mulai daripada Tarikh Kuatkuasa bagi jawatan Pegawai Kerani sehingga tarikh perlantikannya sebagai Pegawai Kerja, matagajinya ialah \$570. Matagaji dalam Tanggagaji Bersih Baharu bagi jawatan Pegawai Kerja apabila dipindahkan dari gaji lama pada tarikh perlantikannya ialah \$565. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa matagaji baharu bagi jawatan Pegawai Kerja, iaitu, \$565, adalah kurang daripada matagaji baharu yang terakhir bagi jawatan Pegawai Kerani, iaitu, sebanyak \$570. Untuk mengatasi masaalah tersebut, matagaji baharu yang terakhir sekali bagi jawatan Pegawai Kerani hendaklah diselaraskan pada 1.4.77 kepada matagaji yang tinggi dan berdekatan sekali dalam Tanggagaji Bersih Baharu bagi jawatan Pegawai Kerja. Matagaji baharu hasil daripada penyelarasan yang tersebut di atas ialah \$605.

## **CONTOH II - Kenaikan Pangkat Selepas 1.1.76**

2. (a) Seorang Atendan Hospital yang berkhidmat di Hospital Universiti dan yang menerima gaji maksima dalam tanggagaji Harun, iaitu, \$230 semenjak 1.3.75 telah dinaikkan pangkat ke Atendan, Tingkatan Khas pada 1.5.77 dengan dibayar gaji dalam Tanggagaji Harun sebanyak \$240. Tanggagaji - tanggagaji yang terlibat bagi kedua - dua jawatan berkenaan adalah seperti berikut :

### **Tanggagaji Sekarang (Harun)**

Atendan Hospital	:	D20-5	-	\$115 x 5 - 160
		D19 -11	-	\$160 x 10 - 230
Atendan, Tingakatan Khas	:	D17-7	-	\$210 x 10 - 270

### **Tanggagaji Baharu (JKK)**

Atendan Hospital	:	D28	-	\$195 x 10 - 265 x 15 - 295
------------------	---	-----	---	-----------------------------

	D27	-	\$215 x 10 - 265 x 15 - 325
Atendan, Tingkatan Khas :	D26	-	\$295 x 15 - 340

(b) Perbandingan kemajuan gaji bagi kedua-dua jawatan menurut peraturan di perenggan 2 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan adalah seperti berikut :

Tarikh	Gaji Sekarang		Gaji Baharu	
	Atendan Hospital	Atendan Ting. Khas	Atendan Hospital	Atendan Ting. Khas
(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)
	\$	\$	\$	\$
1.1.76 (Tarikh Kuatkuasa gaji baharu)	230	-	295	-
1.3.76 (Kenaikan gaji)	230	-	310	-
1.3.77 (Kenaikan gaji)	230	-	325 (Gaji maksima)	-
1.5.77 (Tarikh dinaikkan pangkat sebagai Atendan, Tingkatan Khas)	230	240	<b>325</b>	<b>310</b>
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa opsyen)	-	-	325	310

Catatan: Ruang (ii) pindah ke ruang (iv)  
Ruang (iii) pindah ke ruang (v)

### (c) Kurang perimbangan yang berlaku

Menurut perkiraan gaji dalam contoh di atas, dapat diperhatikan bahawa matagaji baharu, iaitu, \$310 sebagai Atendan, Tingkatan Khas pada tarikh kenaikan pangkatnya iaitu, 1.5.77 adalah kurang daripada matagaji yang terakhir sebagai Atendan Hospital, iaitu \$325. Ini ialah disebabkan penyelarasan matagaji baharu yang terakhir bagi jawatan Atendan Hospital dengan matagaji baharu Atendan, Tingkatan Khas tidak dibenarkan pada tarikh kenaikan pangkat.

### (d) Cara Penyelarasan

Tarikh	Gaji Sekarang		Gaji Baharu	
	Atendan Hospital	Atendan Ting. Khas	Atendan Hospital	Atendan Ting. Khas
(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)

	\$	\$	\$	\$
1.1.76 (Tarikh Kuatkuasa gaji baharu)	230	-	295	-
1.3.76 (Kenaikan gaji)	-	-	310	-
1.3.77 (Kenaikan gaji)	-	-	325	(310)*
1.5.77 (Tarikh dinaikkan (Gaji pangkat sebagai maksima) Atenden, Ting- katan Khas)	-	-	325	340
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa opsyen)	-	-	-	340
1.5.78 (Tarikh kenaikan gaji baharu Atenden, Ting- katan Khas)	-	-	-	340

\* Gaji sebelum penyelarasan dalam ruang (v) di bawah perenggan (b)

Menurut perkiraan pemindahan gaji atas Tanggagaji Bersih Baharu mulai daripada Tarikh Kuatkuasa Gaji Baharu bagi jawatan Atenden Hospital sehingga tarikh kenaikan pangkat ke jawatan Atenden, Tingakatan Khas, matagajinya ialah \$325. Matagaji dalam Tanggagaji Bersih Baharu bagi jawatan Atenden, Tingakatan Khas apabila dipindahkan daripada gaji lama pada tarikh perlantikannya ialah \$310. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa matagaji baharu bagi jawatan Atenden, Tingakatan Khas, iaitu \$310, adalah kurang daripada matagaji baharu yang terakhir bagi jawatan Atenden Hospital, iaitu sebanyak \$325. Untuk mengatasi masalah tersebut, matagaji baharu yang terakhir sekali bagi jawatan Pegawai Kerani hendaklah diselaraskan pada 1.5.77 kepada matagaji baharu yang tinggi dan berdekatan sekali dalam Tanggagaji Bersih Baharu bagi jawatan Atenden, Tingkatan Khas. Matagaji baharu hasil daripada penyelarasan yang tersebut di atas ialah \$340.

#### **CONTOH IA - Perlantikan Secara Pertukaran Sekim Perkhidmatan selepas 1.1.76**

1. (a) Seorang Pegawai Kerja yang berkhidmat di Majlis Perbandaran Pulau Pinang mulai daripada 5.7.74 telah dilantik sebagai Pegawai Pentadbir mulai daripada 1.3.77 atas matagaji \$850 (Gaji Harun bagi Kuasa-kuasa Tempatan). Tanggagaji-tanggagaji yang terlibat bagi kedua-dua jawatan berkenaan adalah seperti berikut :

**Tanggagaji Sekarang (Harun Kuasa-kuasa Tempatan)**

Pegawai Kerja	:	B13-5	-	\$440 x 40 - 600 / SK / 640 x 40 - 1000 / SK / 1080 x 40 -1200.
Pegawai Pentadbir	:	A11 -7	-	\$650 x 50 - 850 / SK / 950 x 50 -1150 / SK / 1300 x 50 -1500 / SK /
		A10 - 2	-	\$1600 x 100 -1800.

**Tanggagaji Harun Badan-badan Berkanun**

Pegawai Kerja	:	B13 - 4	-	\$440 x 40 - 600 / SK / 640 x 40 - 880 / SK / 960 x 40 - 1200.
Pegawai Pentadbir	:	A11-9	-	\$650 x 50 - 850 / SK / 950 x 50 -1150 / SK / 1300 x 50 - 1500 / SK /
		A10 -2	-	\$1600 x 75 -1825.

**Tanggagaji Baharu (JKK)**

Pegawai Kerja	:	B11	-	\$485 x 40 - 565 / 605 x 40 - 925 / 1005 x 40 - 1205.
---------------	---	-----	---	--

Pegawai Pentadbir	:	A22	-	\$745 x 60 - 865 / 985 x 60 - 1225 / 1345 x 60 - 1705 x 100 - 2005.
-------------------	---	-----	---	---

(b) Perbandingan kemajuan gaji bagi kedua-dua jawatan menurut Peraturan di perenggan 2 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan adalah seperti berikut :-

Tarikh	Gaji Sekarang (Harun Kuasa - kuasa Tempatan )		Pemindahan ke Gaji Harun Badan - badan Berkanun		Gaji Baharu	
	(i) Peg. Kerja	(ii) Peg. Kerja	(iv) Peg. Kerja	(v) Peg. Kerja	(vi) Peg. Kerja	(vii) Peg. Kerja
5.7.74 (Tarikh perlantikan / Tarikh Kuatkuasa Isyarat)	720	-	720	-	-	-
1.8.65 (Tarikh kenaikan gaji)	760	-	760	-	-	-

1.1.76 (Tarikh kenaikan gaji baru Harun / Tarikh kuatkuasa gaji baru)	800	-	800	-	925	-
1.1.77	840	-	840	-	1005	-
1.3.77 (Tarikh perlantikan sebagai Pegawai Pentadbir)	840	850	840	850	<b>1005</b>	<b>985</b>
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa Opsyen)	-	-	-	-	1005	985

Catatan: Ruang (ii) pindah ke ruang (iv) dan seterusnya ke ruang (vi)  
Ruang (iii) pindah ke ruang (v) dan seterusnya ke ruang (vii)

#### (c) Kurang perimbangan yang berlaku

Menurut perkiraan gaji dalam contoh di atas, dapat diperhatikan bahawa matagaji baharu, iaitu, \$985 sebagai Pegawai Pentadbir pada tarikh perlantikannya, iaitu, 1.3.77 adalah kurang daripada matagaji yang terakhir sebagai Pegawai Kerja, iaitu, \$1005. Ini disebabkan penyelarasan matagaji yang akhir bagi jawatan Pegawai Kerja dengan matagaji baru Pegawai Pentadbir tidak diberikan pada tarikh perlantikan.

#### (d) Cara Penyelarasan

Tarikh	Gaji Sekarang (Harun Kuasa - kuasa Tempatan)		Pemindahan ke Gaji Harun Badan - badan Berkunun		Gaji Baharu	
	(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)
	Peg. Kerja	Peg. Pentadbir	Peg. Kerja	Peg. Pentadbir	Peg. Kerja	Peg. Pentadbir
1.1.76 (Tarikh kuatkuasa gaji baru)	800	-	800	-	925	-
1.1.77 (Tarikh	-	-	-	-	1005	

kenaikan gaji)		(985)*
1.3.77 (Tarikh perlantikan sebagai Pegawai Pentadbir)	-	1005
1.7.77 (Tarikh kuatkuasa Opsyen)	-	1045
1.3.78 (Tarikh kenaikan gaji Peg. Pentadbir)	-	1105

[ \* Gaji sebelum penyelarasan dalam ruang (vii) di bawah perenggan (b) ]

Menurut perkiraan pemindahan gaji atas Tanggagaji Bersih Baharu mulai daripada Tarikh Kuatkuasa bagi jawatan Pegawai Kerja sehingga tarikh perlantikannya sebagai Pegawai Pentadbir, matagajinya ialah \$1005. Matagaji dalam Tanggagaji Bersih Baharu bagi jawatan Pegawai Pentadbir apabila dipindahkan dari gaji lama pada tarikh perlantikannya ialah \$985. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa matagaji baharu bagi jawatan Pegawai Pentadbir, iaitu, sebanyak \$985 adalah kurang daripada matagaji baharu yang terakhir bagi jawatan Pegawai Kerja, iaitu, sebanyak \$1005. Untuk mengatasi masaalah tersebut matagaji baharu yang terakhir sekali bagi jawatan Pegawai Kerja hendaklah diselaraskan pada 1.3.77 kepada matagaji yang tinggi dan berdekatan sekali dalam Tanggagaji Bersih Baharu bagi jawatan Pegawai Pentadbir. Matagaji baharu hasil daripada penyelarasan yang tersebut di atas ialah \$1045.